

Media Title : Berita Harian  
Headline : Wanita rugi RM312,434 diperdaya penyamar  
Date : 29 July 2024  
Section : Nasional  
Page : 5



# Wanita rugi RM312,434 diperdaya penyamar

**Kuantan:** Seorang pekerja wanita sebuah syarikat swasta di Bentong kerugian RM312,434 selepas terpedaya dengan sindiket *phone scam* yang menyamar sebagai wakil sebuah syarikat penghantaran barang dan polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan kelmarin, mangsa berusia 39 tahun menerima panggilan telefon daripada suspek pada 31 Mac tahun lalu.

Katanya, wakil syarikat penghantaran itu memaklumkan menerima bungkusan atas nama mangsa yang mengandungi dokumen peribadi iaitu satu kad pengenalan dan lima kad mesin juruwang automatik (ATM).

“Talian mangsa disambungkan kepada pihak polis yang kemudian mendakwa mangsa terbabit dengan kes jenayah pengubahan wang haram.

“Mangsa kemudian memasukkan wang RM28,000 ke dalam akaun bank yang diberikan oleh suspek bagi tujuan memeriksa sumber wang mangsa.

Berikut itu, suspek juga meminta mangsa membuat pinjaman peribadi dengan alasan bayaran jaminan untuk meneruskan siasatan. Sebanyak 27 transaksi dilakukan kepada 12 akuan berbeza bermula 31 Mac 2023 hingga 7 Ogos 2023.

“Hampir setahun tiada sebarang maklumat, mangsa membuat laporan polis.

“Sumber kewangan mangsa adalah wang simpanan dan pinjaman peribadi.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan,” katanya, semalam.